

Sidang Dewan Rakyat

# RMKe-12 jadi agenda utama

## Pembentangan pelan hala tuju negara dua kali ditangguhkan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) menjadi agenda utama tumpuan pada persidangan Dewan Rakyat yang masuk minggu ketiga, esok.

RMKe-12 yang menjadi pelan hala tuju negara untuk lima tahun bermula 2021 hingga 2025, akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada jam 11.30 pagi, selepas berakhirnya sesi soal jawab lisan.

Berdasarkan takwim mesyuarat dalam laman web Parlimen Malaysia, persidangan Dewan Rakyat esok hanya akan berlangsung pada sebelah pagi.

Sesi perbahasan bagi RMKe-

12 oleh ahli Parlimen akan bermula pada Selasa dan dijadualkan berlangsung selama empat hari hingga 4 Oktober ini.

Sesi penggulungannya pula akan berlangsung selama tiga hari dari 5 hingga 7 Oktober ini oleh menteri berkaitan.

Pembentangan RMKe-12 ditangguhkan sekurang-kurangnya dua kali dari tarikh asal, iaitu 6 Ogos tahun lalu kepada Januari lalu sebelum diputuskan dibentangkan esok, susulan pandemik COVID-19 dan perubahan kepemimpinan kerajaan.

Selain itu, antara isu dijangka 'memanaskan' Dewan Rakyat ketika sesi soal jawab lisan esok ialah status terkini Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH) dalam menyiasat isu membabitkan pengurusan dan operasi agensi itu.

Soalan berkenaan dikemukakan kepada Perdana Menteri oleh Datuk Seri Abdul Azeed Abdul Rahim (BN-Baling), yang turut bertanya sama ada skop siasatan akan merangkumi siasatan Pelan Pemulihan TH ketika ini.

Isu lain yang turut dijangka menjadi tumpuan pada sesi itu

ialah rancangan strategik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk terus menjadikan Malaysia negara mesra pelabur pasca COVID-19 bagi menarik pelaburan syarikat gergasi antarabangsa.

Sementara itu, persidangan Dewan Rakyat minggu lalu tertumpu pada sesi penggulungan ke atas perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Antara isu yang menjadi tumpuan ialah cadangan membendung penularan COVID-19 menerusi kaedah 'pemutus litar' atau perintah berkurung secara ketat dan singkat, yang dinyatakan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Katanya, langkah itu berkeungkinan dilaksanakan dalam tempoh terdekat jika perlu, walaupun bakal menjejaskan sosioekonomi dan kesihatan mental.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad, ketika sesi penggulungan pula menyatakan rancangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjalankan kajian menyeluruh bagi melihat semula struktur yuran di institusi pengajian



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat Parlimen ke-14 pada 13 September lalu.

(Foto BERNAMA)

tinggi (IPT).

Ia susulan kajian KPT yang mendapati 78.4 peratus pelajar mengaku tidak tertekan dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian yang dilaksanakan akibat penularan COVID-19, selain 90.4 peratus pelajar IPT juga bersedia meneruskan PdP dengan kaedah itu.

Persidangan Dewan Rakyat turut kecoh pada Rabu lalu, berhubung dakwaan ahli Parlimen

pembangkang bahawa Yang Di-pertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun, dipengaruhi seorang menteri kanan sehingga terpaksa membatalkan permintaan memberi ruang kepada Nga Kor Ming (PH-Teluk Intan) memengerusikan mesyuarat.

Azhar bagaimanapun menafikan ditekan pihak tertentu dan menyatakan beliau membuat keputusan itu selepas mengubah fikiran pada saat akhir.